



SALAH sebuah syarikat usaha sama belia bersama Management Jasa Biru menawarkan dua perkhidmatan, mencakupi keperluan masyarakat Brunei, iaitu Perkhidmatan Membaiki Penghawa Dingin secara menyeluruh dengan kadar bayaran sangat berbaloi dan terjangkau, iaitu serendah BND12; dan Perkhidmatan Memotong Rumput dengan kadar bayaran sebanyak BND10 (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Menurut Laporan Kajian Tenaga Kerja 2019, kadar penyertaan tenaga kerja pada tahun 2019, menurun kepada 64.3 peratus daripada 65.4 peratus pada tahun 2018, iaitu kadar penyertaan bagi lelaki adalah lebih tinggi sebanyak 72.5 peratus, berbanding dengan perempuan 54.8 peratus.

Justeru itu, pelbagai usaha dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani masalah pengangguran di negara ini.

Salah sebuah syarikat tempatan, yang kini menjadi sebuah syarikat peneraju kepada anak-anak tempatan demi menghasilkan impak tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara ialah Jasa Biru Enterprise.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Timbalan Pengarah Urusan 1, Jasa Biru Enterprise, Awang Jaini @ Khalid J. Walid bin Haji Jair menjelaskan, syarikat yang terletak di Light Industrial

Lambak itu, ditubuhkan pada bulan Jun 2020, iaitu salah satu syarikat usaha sama belia bersama Management Jasa Biru, di mana menekankan mengenai kepentingan adab dan akhlak yang diterapkan dalam diri setiap belia sebelum menempuh dunia usahawan, yang penuh cabaran.

Menyentuh mengenai perkhidmatan yang diberikan, jelas beliau, daripada aspek perkhidmatan yang menakjubkan, setakat ini, syarikat berkenaan menawarkan dua perkhidmatan, mencakupi keperluan masyarakat Brunei, iaitu Perkhidmatan Membaiki Penghawa Dingin secara menyeluruh dengan kadar bayaran sangat berbaloi dan terjangkau, iaitu serendah BND12; dan Perkhidmatan Memotong Rumput dengan kadar bayaran sebanyak BND10.

Daripada dua perkhidmatan tersebut, tambahnya, ia mempunyai enam pasukan dan cawangannya tersendiri bagi memenuhi permintaan di keempat-empat daerah, iaitu di Daerah Brunei dan Muara; Daerah

Jasa Biru Enterprise wujudkan belia berkemahiran, berdikari

Tutong; Daerah Belait; dan Daerah Temburong.

Syarikat berkenaan juga menurutnya, berpotensi dan berperanan juga mengembangkan kemudahannya dengan memberikan maklumat jelas bagi setiap perkhidmatan, bertujuan memberikan pengetahuan kepada para pelanggan.


Beliau, seterusnya menjelaskan, pusat syarikat itu sendiri mempunyai sebuah dewan latihan bagi pelbagai tujuan, yang boleh menampung 30 hingga 40 orang.

"Anak-anak tempatan adalah menjadi tumpuan untuk pembentukan diri, bukan sahaja memfokuskan kepada tenaga kerja semata-mata, tetapi berupaya serta berkemahiran melahirkan lebih ramai anak tempatan yang bersesuaian, mengikut keperluan dan kehendak industri," jelasnya lagi.

Menurutnya, dorongan yang jelas adalah melalui Pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 agar memupuk kerjasama dan persefahaman di antara semua pihak dan agensi untuk melaksanakannya dengan penuh komitmen juga bersungguh-sungguh.

Menyentuh mengenai perancangan untuk akan datang pula ujarannya, sebagai salah sebuah syarikat peneraju, kini Jasa Biru sedang mengunyahkahkan beberapa projek, di mana bakal memberikan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan bagi menyesuaikan kemahiran juga produktiviti belia, masing-masing supaya belia tidak hanya bergantung sepenuhnya dengan pekerjaan, dan lebih percaya akan kemampuan berdikari.

Menjadikan salah seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara, iaitu Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsd sebagai mentor, beliau, seterusnya menyarankan agar para belia lain yang sedang dan bakal



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Jasa Biru Enterprise

mencari pekerjaan untuk dijadikan sebagai tidak memilih kerja dan sumbangan kepada negara mengambil kesempatan bekerja dan bangsa.

Buat ulang kaji lebih awal sebelum hadapi peperiksaan



SEBELUM menghadapi peperiksaan, para pelajar harus membuat persediaan terlebih dahulu agar mendapat keputusan yang memuaskan.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 8 Ogos. - Peperiksaan adalah penilaian terhadap tahap pengetahuan para pelajar dan menuntut mereka untuk membuat banyak latihan serta ulang kaji bagi subjek-subjek mereka.

Justeru itu, sebelum menghadapi peperiksaan, para pelajar harus membuat persediaan terlebih dahulu agar mendapat keputusan yang memuaskan.

Sudah setentunya ibu bapa dan penjaga adalah orang yang paling sibuk bagi memastikan anak-anak mereka belajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan tersebut.

Dayang Klysh binti Md. Noor, 18 tahun, penuntut di salah sebuah Pusat Tingkatan Enam semasa ditemui baru-baru ini menjelaskan bahawa beliau telah membuat persediaan yang awal bagi menghadapi peperiksaan.

Jelasnya, beliau sering mengulang kaji pelajaran semasa berada di rumah dan sering membuat latihan dengan menjawab soalan-soalan peperiksaan pada tahun-tahun yang lalu. Beliau juga rajin bertanya kepada guru-guru subjeknya jika menghadapi masalah dengan kerja sekolah mahupun kerja rumah.

Sementara Awang Muhammad Zamri bin Juppri, 19 tahun, berasal dari Kampung Bukit Beruang Tutong dan mengambil jurusan Jurutera Mekanik dalam tahun kedua di Universiti Teknologi Brunei turut menjelaskan bahawa sebelum menghadapi peperiksaan, beliau sering mengulang kaji di rumah dengan menelaah buku dan membuat penyelidikan menerusi internet untuk merujuk dan mencari maklumat sampingan yang berkaitan dengan pelajarannya.

Tambahnya, selain belajar di rumah, beliau juga cenderung belajar di perpustakaan kerana keadaan yang sunyi memudahkan beliau untuk menumpukan perhatian kepada pelajarannya.

"Ini merupakan kali ketiga pada minggu ini saya mengulang kaji di perpustakaan. Saya memang suka mengulang kaji di sini kerana keadaannya sunyi dan memudahkan saya menumpukan perhatian saya dalam mengulang kaji pelajaran," ujarannya.

UNISSA tawar Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran (Bahasa Arab) untuk orang ramai



Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat menawarkan Program Mari

Belajar Bahasa Al-Quran (Bahasa Arab) untuk orang ramai sesi bulan Ogos 2020 Masihi.

Program tersebut bagi sesi Ogos ini diadakan seminggu sekali, iaitu pada setiap Jumaat, bermula

ANTARA peserta pada Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran (Bahasa Arab).

dari jam 8.30 pagi, yang bertempat di universiti berkenaan. Sebanyak dua buah modul telah pun dibukakan kepada orang ramai dan seramai 27 peserta terdiri daripada orang-orang persendirian, pelajar, pegawai dan kakitangan Kementerian telah pun menyertai program berkenaan.

Adapun tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran mendengar dan bertutur di dalam bahasa Arab.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA melalui talian +673 2462000 sambungan 204 / 202 ataupun melayari Laman Sesawang UNISSA di www.unissa.edu.bn atau menghantar e-mel ke CAL@unissa.edu.bn.